

# **Amalan Autonomi Profesionalisme Guru: Kesiapan Pemimpin Sekolah Dalam Mengubah Landskap Mindset Guru**

Datuk Dr Amin bin Senin  
(Sektor Pembangunan Profesionalisme Guru, KPM)

Dr Shariffah Sebran Jamila bt Syed Imam  
Pn Hj Rosnarizah bt Abdul Halim  
En Muhammad Adeeb Yewkee Ng bin Abdullah  
(Bahagian Pendidikan Guru, KPM)

Dr Hj Abd Razak bin Manaf  
Dr Marzita bt Abu Bakar  
(Institut Aminuddin Baki, KPM)

Dr Hj Rusmini bt Ku Ahmad  
(Institut Pendidikan Guru Malaysia, KPM)

## **Abstrak**

Perkembangan Pendidikan Abad ke-21 menuntut pemimpin sekolah untuk menyediakan guru yang berhadapan dengan cabaran pendidikan yang lebih tinggi dengan peningkatan teknologi dan k-pengetahuan. Cabaran pendidikan memerlukan guru yang berpengetahuan dan kemahiran yang tinggi seiring dengan kemajuan pendidikan. Justeru autonomi profesionalisme guru adalah landasan melahirkan guru yang kompeten, kreatif dan inovatif untuk autonomi pembelajaran yang lebih bermakna. Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap amalan autonomi profesionalisme guru dalam aspek: pedagogi pembelajaran kaedah kritis dan kreatif serta kaedah penemuan, amalan pembangunan profesionalisme sendiri dan pembangunan profesionalisme sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran, amalan pelaksanaan kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran, amalan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran dan amalan pentaksiran berasaskan hasil projek murid. Sampel kajian dilaksanakan di beberapa jenis sekolah di Malaysia yang melibatkan 742 orang guru daripada 7 jenis sekolah menengah dan rendah dari pelbagai kategori. Dapatan Analisis ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan amalan autonomi profesionalisme guru dalam domain pentaksiran berdasarkan jenis sekolah. Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan profesionalisme guru bagi domain amalan pedagogi, pembangunan profesionalisme secara sendiri dan pelaksanaan kurikulum. Manakala analisis diskriptif menunjukkan bahawa sekolah SJKC dan SJKT mempunyai tahap amalan

autonomi yang paling tinggi dalam pelaksanaan autonomi profesionalisme guru berbanding jenis sekolah yang lain. Tahap amalan profesionalisme yang tinggi memberi banyak peluang kepada guru dalam merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan mengeksplorasi pelbagai pendekatan dalam memastikan pembelajaran yang bermakna. Amalan autonomi profesionalisme guru merupakan landasan dalam melahirkan murid kreatif dan inovatif serta lebih berdaya saing. Justeru, pemimpin sekolah memainkan peranan penting untuk menyediakan landskap mindset guru dalam membangunkan profesionalisme guru agar guru kekal berkualiti sepanjang perkhidmatan.

Kata Kunci :Autonomi Profesionalisme Guru

## 1.0 Pengenalan

Muktahir ini pendidikan abad ke 21 menjadi fokus dalam meningkatkan hasil pembelajaran yang bermakna bagi menghadapi perubahan iklim pendidikan yang semakin mencabar dalam era globalisasi. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seiring dengan perkembangan dunia telah membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM 2013 – 2025) memfokuskan 11 Anjakan untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara secara holistik dan relevan dengan perkembangan arus pendidikan dunia.

Pendidikan yang berkualiti adalah hasrat KPM dalam meningkatkan kualiti guru yang menjadi fokus dalam Anjakan ke -4, PPPM 2013-2025 yang menjanjikan bahawa guru berkualiti akan kekal berkualiti sepanjang perkhidmatan mereka. Selaras dengan itu KPM telah menyediakan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (2016) dalam membangunkan kerjaya guru yang lebih menarik dan efisien serta sentiasa mengutamakan kualiti pembelajaran dan pengajaran yang bermakna.

Kualiti guru menyumbang kepada prestasi pencapaian sekolah dan keberhasilan murid (Amin 2016: Dufour 2012: Sparks 2015) Sehubungan itu, salah satu usaha KPM untuk meningkatkan pendidikan yang berkualiti, autonomi guru adalah elemen yang penting yang memberi fleksibiliti kepada guru mengajar dengan menggunakan pelbagai strategi pembelajaran yang bersesuaian dengan latar belakang murid yang pelbagai. Guru yang kreatif dan inovatif menjadi tunggak kepada pembelajaran yang berkualiti, Justeru autonomi profesionalisme guru adalah

pemangkin kepada kecemerlangan kualiti pembelajaran dalam melahirkan murid yang berdaya saing dan menjadi *globe player* dalam dunia tanpa sempadan.

Sehubungan itu, peranan pemimpin sekolah amat penting dalam memastikan guru diberi autonomi untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan inovatif dalam menarik minat murid dengan penglibatan yang aktif di dalam bilik darjah. Oleh itu, Webb (2006) menjelaskan bahawa guru mempunyai kuasa untuk menentukan pembelajaran yang berkesan di dalam bilik darjah dan bertanggungjawab terhadap kualiti pembelajaran yang dihasilkan. Oleh demikian, autonomi profesionalisme guru merupakan pentas kepada guru untuk mengeksplorasi pelbagai pendekatan pembelajaran dan pembangunan profesionalisme sendiri untuk pembelajaran yang berkualiti dan bermakna.

Kesedaran untuk meningkatkan peranan guru dalam pengajaran dan pembelajaran, maka KPM dalam PPPM 2013- 20125 memberi tumpuan fokus kepada peningkatan autonomi guru dalam aspek pengajaran dan pembelajaran dan dijangka kaedah itu akan dibudayakan di semua sekolah menjelang Gelombang 3 PPPM (2021-2025). Seiring dengan itu, KPM (2016) telah memperkenalkan Program Transformasi Sekolah 2025 untuk mengubah *mindset* guru ke arah pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan berpusat kepada murid, dengan memberi keutamaan kepada guru berkualiti dan pemimpin sekolah yang berkesan. Namun usaha murni ini diharapkan mampu mengubah landskap dan penggerak pembelajaran dan pengajaran yang lebih bermakna.

## **1.1 Latar Belakang**

Nurul (2012) menjelaskan autonomi berasal daripada perkataan Yunani yang bermaksud 'pentadbiran sendiri' atau autonomi bermaksud mempunyai kebolehan untuk bertindak sendiri. Ia juga boleh bermaksud mempunyai kebebasan untuk membuat keputusan. Walau pun, autonomi guru masih kurang dibahaskan secara meluas di Malaysia. Namun, sejauh mana guru diberi kebebasan membuat keputusan dalam mencorakkan pedagogi pembelajaran di bilik darjah, kebebasan menentukan pembangunan profesionalisme diri dan penilaian pentaksiran murid antara isu yang sering dibangkit oleh para pendidik.

KPM (2014) telah membangunkan Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan bagi guru dan pemimpin sekolah untuk memberi panduan dan rujukan kepada semua guru dan pemimpin sekolah untuk membangunkan profesionalisme guru secara holistik dan terancang. Namun, kebergantungan pembangunan profesionalisme guru dirancang di peringkat kementerian selama ini menyebabkan guru tidak melihat autonomi mereka dalam merancang pembangunan profesionalisme secara sendiri adalah penentu kepada peningkatan kualiti diri. Oleh itu, ini dilihat sebagai penyebab guru kurang inisiatif dan berdaya tinggi untuk pembangunan kerjaya diri yang secara langsung menyumbang kepada pencapaian murid.

Wan Mat dan Norkhairah (2011) mendapati guru masih mengajar secara tradisional dan masih kurang menerapkan kemahiran berfikir dan kaedah penemuan. Kemahiran tradisional yang berpusat kepada guru menyebabkan murid tidak berpeluang untuk mengetengahkan bakat dan potensi diri, ini akan mengagalkan usaha KPM untuk melahirkan murid yang berdaya saing dalam berhadapan dengan era globalisasi yang serba mencabar.

Akhir kata, gelombang pendidikan dunia hari ini menuntut guru lebih terbuka, lebih berautonomi untuk kreatif dan inovatif untuk menghasilkan pembelajaran dan pengajaran bermakna. Seiring itu, Rusmini (2016) menjelaskan amalan terbaik sistem pendidikan cemerlang di beberapa negara, menekankan bahawa kualiti guru dan kualiti pengajaran dan pembelajaran adalah tonggak utama kepada kecemerlangan pendidikan sesebuah sistem pendidikan. Justeru KPM dalam PPPM 2013- 2025 turut memberi fokus utama untuk meningkatkan kualiti guru dan kualiti pembelajaran murid di sekolah.

## **1.2 Masalah Kajian**

Autonomi profesional memberi gambaran kebebasan kepada guru untuk memilih kaedah pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, kebebasan dalam menentukan pembangunan profesionalisme dalam membangunkan kerjaya guru, kebebasan dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kurikulum yang disediakan dan kebebasan dalam menyediakan kaedah mentaksirkan pencapaian murid. Namun kajian menunjukkan guru didapati masih tidak dapat membezakan antara autonomi dengan tanggungjawab menyebabkan mereka menganggap

setiap tugas yang dilaksanakan merupakan satu beban dan tekanan kepada kerjaya guru (Solvi & Christina :2015).

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa masih ramai guru tidak sedar akan peranan dan autonomi mereka dalam membangunkan profesional sebagai guru. Rata-rata guru menganggap tugas mereka hanya untuk mendidik tanpa mengetahui autonomi dapat memberi impak yang besar dalam kerjaya mereka, di mana guru didapati masih tidak dapat membezakan antara autonomi dan akauntabiliti dalam menjalankan tugas mereka (Webb: 2006). Justeru guru perlu dijelaskan dalam membezakan antara autonomi dan akauntabiliti sebagai seorang guru. Justeru, guru masih kurang memahami profesionalisme autonomi guru dengan jelas.

Manakala Sparks dan Ralph (2015) mengatakan autonomi guru sangat kompleks yang melibatkan pelbagai aspek dan berkait rapat dengan kebebasan guru dalam amalan instruksional, aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah berkait rapat dengan latar belakang yang berbeza-beza antara satu sekolah dengan sekolah yang lain. Sparks dan Ralph juga berpendapat bahawa autonomi guru merupakan perkara yang sangat penting dan ia berkait rapat dengan kepuasan kerja guru dan mereka juga mencadangkan pihak pembuat dasar perlu berusaha untuk meningkatkan kepuasan kerja dan kualiti tempat bertugas guru untuk meningkatkan autonomi guru.

Ravikumar (2015) menjelaskan kajian terhadap autonomi guru dalam melaksanakan pentaksiran masih belum diterokai secara meluas di negara ini. Selain itu, Malaysia masih terikat dengan sistem pentaksiran secara formatif melalui peperiksaan awam dan peperiksaan tahunan sekolah. Walaupun KPM telah mula mengubah sistem pentaksiran kepada Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) beberapa tahun yang lalu. Namun secara relatif pelaksanaan PBS masih gagal dilaksanakan sepenuhnya. Justeru guru perlu diberi autonomi dalam perlaksanaan PBS yang lebih efektif.

Solvi & Christina (2015) dapatan kajian menunjukkan bahawa guru juga mahukan autonomi dalam menyediakan bahan pengajaran yang sesuai di dalam bilik darjah. Guru merasakan seolah-olah mereka tidak mempunyai kebebasan untuk menentukan bahan pengajaran yang sesuai untuk mengajar kerana mereka juga terikat dengan buku teks dan kurikulum yang perlu dipatuhi menyebabkan guru tidak kreatif dalam menyediakan bahan pengajaran. Selain itu, guru merasa mereka terikat kepada penilaian dan peperiksaan menyebabkan mereka tidak mempunyai autonomi dalam menyediakan bahan pengajaran yang sesuai kerana terlalu terikat dengan peperiksaan.

Autonomi guru dalam menjalankan tugas sebagai pendidik terbatas dan terikat dengan pelbagai peraturan, kurikulum dan pentaksiran yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Justeru kajian ini amat penting untuk melihat semula sejauh mana amalan autonomi profesionalisme guru di Malaysia dan hasil kajian ini membantu pelbagai pihak khususnya KPM menilai sistem pendidikan yang ada dan membuka lebih banyak ruang dan peluang serta kebebasan kepada warga pendidik untuk mengendalikan pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan bermakna.

### **1.3 Kerangka Kajian**


Pendidikan merupakan profesional yang wujud sejak berkurun lamanya. Namun akhir-akhir ini autonomi guru mula diberi perhatian yang mendalam memandangkan pendidikan merupakan tulang belakang kepada pembangunan modal insan sesebuah negara. Memandangkan Malaysia mengamalkan sistem pentadbiran sistem berpusat, maka pelaksanaan autonomi guru dalam pedagogi dan kurikulum serta pentaksiran sekolah masih terikat kepada dasar dan ketetapan secara berpusat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

kerangka kajian ini diadun berdasarkan pembacaan kajian-kajian lepas dan diadaptasi daripada Sparks (2015) melalui Model Autonomi Guru Dalam Bilik Darjah di Sekolah Awam oleh NCES. Justeru, kerangka amalan autonomi profesionalisme guru bagi kajian ini dibangunkan berasaskan kepada empat domain utama iaitu (i). amalan pedagogi dari pendekatan kaedah pembelajaran kreatif dan kritis dan kaedah pembelajaran penemuan (ii) amalan pembangunan profesionalisme sendiri dan amalan pembangunan profesionalisme sendiri guru dalam pengajaran dan pembelajaran, (iii) amalan pelaksanaan kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran dan (iv) amalan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran dan amalan pentaksiran yang berasaskan projek murid. Empat domain ini menjadi asas kepada kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana tahap amalan autonomi profesionalisme guru di sekolah-sekolah Malaysia.

Seterusnya, kajian juga meninjau sejauh mana guru mengamalkan autonomi dalam pelaksanaan kurikulum semasa melaksanakan PdP, berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), yang menjadi rujukan utama guru dalam menjana PdP terancang. Kajian ini juga meninjau keupayaan guru dalam merancang PdP berdasarkan standard pembelajaran merentasi kurikulum dan autonomi dalam menggabungkan semua elemen merentas kurikulum

(EMK) semasa merancang PdP bermakna. Justeru, dalam PA21, pembelajaran yang aktif dan pembangunan potensi murid sentiasa menjadi keutamaan. Sejauh mana autonomi guru dalam merangka pembelajaran aktif kerana guru sering menghadapi kesuntukan masa untuk menghabiskan standard pembelajaran Memandangkan pelaksanaan kurikulum dalam PdP merupakan elemen yang sangat penting bagi seorang guru dalam melaksanakan PdP yang dirancang.

Kajian ini memfokuskan kepada empat domain yang menjadi asas kepada kerangka kajian tahap terhadap tahap autonomi profesionlisme guru di Malaysia seperti dalam Rajah 1:



Rajah 1: Kerangka Kajian Tahap Amalan Autonomi Profesionalisme Guru diadapatasi daripada Model Sparks (2015) Autonomi Guru di Sekolah Awam oleh NCES

#### 1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang bertujuan untuk mengetahui tahap amalan autonomi profesional dalam kalangan guru di sekolah menengah dan rendah di Malaysia. Amalan autonomi profesional guru bukan sesuatu amalan yang baru kerana banyak kajian telah dilaksanakan untuk mengetahui tahap amalan autonomi profesional guru. Memandangkan guru memainkan peranan penting terhadap pencapaian murid, maka kajian ini amat relevan dilaksanakan untuk memastikan guru kekal berkualiti sepanjang perkhidmatan. Justeru dapatan kajian ini diharap

dapat menambah pengetahuan baru dalam meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga akan memberi input kepada KPM untuk membangunkan tahap profesionalisme guru dan mengubah paradigma guru kepada landskap pembelajaran yang aktif dan bermakna.

## **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap amalan autonomi profesionalisme guru berdasarkan jenis sekolah di Malaysia dalam elemen-elemen berikut:

- a. amalan pedagogi kaedah pembelajaran kritis dan kreatif
- b. amalan pedagogi kaedah pembelajaran penemuan
- c. amalan profesionalisme sendiri
- d. amalan profesionalisme sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran
- e. amalan pelaksanaan kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran
- f. amalan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran
- g. amalan pentaksiran berasaskan projek murid

## **1.6 Persoalan Kajian**

1. Apakah tahap amalan autonomi profesionalisme guru dalam aspek amalan pedagogi kaedah kritis dan kreatif, amalan pedagogi kaedah penemuan, amalan profesionalisme sendiri, amalan profesionalisme sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran, amalan pelaksanaan kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran dan amalan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran dan pentaksiran berasaskan projek murid.
2. Apakah tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan autonomi profesionalisme guru dalam aspek amalan pedagogi kritis dan kreatif, amalan pedagogi kaedah penemuan, amalan profesionalisme sendiri, amalan profesionalisme sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran, amalan pelaksanaan kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran dan amalan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran dan pentaksiran berasaskan projek murid berdasarkan jenis sekolah.

## **2.0 Kajian Literatur**

Dalam menghadapi kemajuan dan perkembangan pendidikan dalam abad ke-21 yang sentiasa menjadi perhatian dunia, terdapat pelbagai isu pendidikan telah banyak dibahaskan terutama melibatkan pembangunan profesionalisme guru dan kemenjadian murid. Namun muktahir ini isu autonomi guru semakin banyak dibincangkan secara meluas (Jiang dan Ma Ting, 2012).



Manakala Webb (2006) menyatakan bahawa guru merupakan profesion yang tidak mempunyai kuasa atau kurang berkuasa, dalam hirarki perjawatan profesion guru status guru adalah di hirarki yang paling bawah sekali sebagai subordinate seperti pekerjaan dalam sektor yang lain. Namun Datwon (2000) mengatakan guru mempunyai autonomi dan kauntabiliti terhadap profesion mereka. Persoalannya adakah guru mempunyai autonomi dan apakah autonomi yang mereka miliki. Justeru guru perlu jelas dengan autonomi yang mereka miliki dalam melaksanakan tugas mereka sebagai pendidik.

## **2.1 Definisi Autonomi**

Pelbagai definisi terhadap autonomi guru dibincang yang meliputi pelbagai aspek. Jiang dan Ma Ting (2012) menyatakan bahawa autonomi guru membawa maksud kawalan dalaman guru meliputi kebebasan dan akauntabiliti dalam pengajaran dan pembelajaran sama ada di dalam bilik darjah atau luar bilik darjah. Webb (2006) pula mengatakan bahawa autonomi profesionalisme guru merujuk kepada kuasa yang dimiliki oleh guru untuk membuat keputusan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, Solvi dan Christina (2015) menjelaskan autonomi bermaksud kebebasan amalan profesionalisme, ia bergantung kepada sejauh mana kebebasan dan akauntabiliti yang diberikan yang berhubung dengan takbir urus dan etika profesionalisme guru itu sendiri. Sparks (2015) pula menjelaskan autonomi profesionalisme guru merujuk keupayaan diri kepada kebebasan guru membuat keputusan dalam memilih kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran, kebebasan memilih bahan pengajaran dan pembangunan profesionalisme sendiri. Autonomi guru memberi ruang dalam membangunkan guru berkualiti yang berimpak tinggi melalui pendekatan kreativiti dan inovatif (Tilaar, 2002). Bagi Moomaw (2005) autonomi merujuk kebebasan guru dalam menentukan pengurusan bilik darjah. Terdapat pelbagai definisi autonomi guru merujuk kepada konteks dan situasi yang berbeza yang bergantung kepada amalan dan pelaksanaan sesebuah institusi pendidikan. Justeru autonomi profesionalisme guru adalah kebebasan dalam membuat keputusan yang melibatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta pembangunan profesionalisme berterusan dalam kerjaya keguruan.

## **2.2 Autonomi Profesionalisme Guru**

Autonomi dalam pedagogi guru merupakan kebebasan bagi seseorang guru mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran, bebas memilih pendekatan yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran, guru bebas menentukan bahan pengajaran dan bebas membuat penilaian

pencapaian murid . Namun ramai guru merasa tugas mereka agak terbatas dengan pelbagai kenkangan tugas kerana guru terikat dengan sukatan dan peperiksaan yang sangat padat sepanjang tahun menyebabkan fokus guru lebih tertumpu kepada peperiksaan. sekolah. Amalan pengajaran kreatif dan kritis sangat penting kerana ini dapat memberi peluang kepada murid membina konsep dan menghasilkan idea-idea mereka kreatif mereka untuk meneroka penemuan-penemuan baru. Keadah ini juga dapat menggalakkan murid berfikir aras tinggi bagi menghasilkan pelbagai alternatif serta mengupaya minda. Namun menurut Tuah (2007) Amalan guru di dalam bilik darjah lebih kepada penyediaan murid untuk peperiksaan menyukarkan usaha guru untuk menyediakan murid. Oleh itu, guru perlu diberi autonomi agar dapat merangka pelbagai pentaksiran bilik darjah dalam membimbing murid ke arah pembelajaran yang berkesan (Ravikumar, 2015). Perlaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dijangka dapat memberi autonomi kepada guru dalam menilai pencapaian murid secara berterusan dan mengurangkan peperiksaan berpusat dan sekali gus dapat menyediakan pembelajaran bermakna yang dapat meningkatkan pencapaian murid secara berterusan. Spark (2015) menjelaskan autonomi guru akan meningkatkan komitmen guru dalam membangunkan kerjaya serta ia akan memberi impak yang positif dalam pencapaian murid.

Justeru itu, KPM dalam PPPM 2013 -2025 dalam anjakan ke 4 memberi fokus kepada kualiti guru dan pembangunan profesionalisme guru yang menjadi fokus utama untuk meningkatkan kualiti pembangunan profesionalisme guru. Pembangunan profesional merupakan salah usaha untuk memastikan guru membangunkan kerjaya mereka dan sentiasa berkualiti sepanjang perkhidmatan. Kesimpulannya, usaha KPM memberi lebih banyak autonomi kepada guru di dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, guru perlu kreatif dan inovatif dengan meningkatkan kompetensi diri melalui pembangunan profesionalisme secara sendiri. Guru perlu proaktif dan bersedia untuk berubah seiringi dengan arus perubahan perdana yang melanda setiap curut dunia dengan aliran perkembangan teknologi semasa. Justeru autonomi profesionlisme guru akan membuka lebih banyak ruang dan peluang guru untuk merancang pembelajaran yang bermakna.

### **3.0 Metodologi**

Method reka bentuk kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengenal pasti tahap profesionalisme autonomi guru dalam kalangan guru sekolah menengah dan rendah. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat kajian utama

untuk mengumpul maklumat terhadap setiap pemboleh ubah yang dibina. Soal selidik kajian telah dibangunkan berdasarkan melalui bacaan kajian sekunder. Kajian ini berfokus untuk mengenalpasti amalan autonomi profesionalismeguru meliputi empat pemboleh ubah utama iaitu amalan autonomi dalam kaedah pedagogi, pembangunan profesionalisme guru secara sendiri, amalan autonomi perlaksanaan dalam kurikulum dan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran berasaskanprojek murid. Prosedur melaksanakan kajian ini melibatkan pelbagai peringkat.

Hasil ujian analisis kebolehpercayaan menunjukkan bahawa nilai pekali Alpha Cronbach bagi setiap pemboleh ubah adalah tinggi antara .848 hingga .882. Ini menunjukkan setiap pemboleh ubah dalam kajianautonomi profesionalisme guru mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi Bagi memastikan item yang bina mewakili setiap pemboleh ubah yang diukur. Analisis faktor telah dilaksanakan bagi melihat nilai pemberat bagi setiap indikator yang diuji benar-benar mewakili pemboleh ubah yang dikaji serta untuk menentukan kebolehpercayaan setiap pemboleh ubah dalam kajian ini. Analisis faktor menunjukkan Nilai ujian KMO ialah  $.885 > .50$  menunjukkan item-item yang diuji mempunyai nilai pemberat yang baik. Dapatan analisis faktor menunjukkan bahawa daripada 55 item yang diuji hanya 41 item sahaja yang diterima yang meliputi 4 domain dalam kajian ini. Namun analisis faktor rotated menunjukkan bahawa terdapat elemen baru dalam domain amalan pentaksiran kepada 2 elemen daripada analisis yang dijalankan. Penyelidik mengekalkan kontruk tersebut dengan menamakan amalan pentaksiran projek murid yang menjadi asas kepada Pembelajaran Berasaskan Projek atau *Project Based Learning* (PBL).

Sampel kajian seramai 742 orang meliputi guru yang mengajar di tingkatan 3 dan 4 di sekolah menengah yang melibatkan sekolah jenis SMK, Sekolah Menengah Teknik, Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Menengah Agama. Kajian ini juga melibatkan guru yang mengajar di tahap 2 di Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Pemilihan sekolah ini secara rawak di setiap negeri dengan sokongan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD). Seterusnya, kajian telah ditakbir secara atas talian dan pemilihan guru dengan sokongan pihak sekolah dan JPN/PPD. Dari[ada 1000 sampel yang disasarkan untuk menjawab soal selidik ini namun hanya 742 guru atau 74.2% guru telah menjawab soal selidik ini dengan lengkap. Seterusnya, data kajian telah di analisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi dengan menggunakan SPSS 20.0.


## 4.0 Dapatan Kajian

Hasil maklum balas instrumen kajian dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Analisis dapatan menunjukkan Bahagian A instrumen kajian adalah analisis demografi responden manakala Bahagian B adalah analisis tahap autonomi profesionlisme guru berdasarkan 4 domin yang telah diuji.

### 4.1 Analisis Demografi Responden

Analisis dapatan menunjukkan latar belakang responden yang terdiri daripada 742 orang guru yang telah memberikan maklum balas dalam kajian ini yang melibatkan guru sekolah rendah dan menengah daripada 7 jenis sekolah iaitu SMK, SMKA, SBP, Kolej Vokasional, SK, SJKC dan SJKT. Analisis demografi adalah seperti berikut:


#### a. Bilangan responden mengikut jantina



Rajah 4.1 menunjukkan responden kajian terdiri daripada 562 perempuan dan 186 lelaki

Rajah 4.1 Bilangan Responden mengikut Jantina


#### b. Bilangan responden mengikut lokasi sekolah



Rajah 4.2 menunjukkan Bilangan responden mengikut lokasi sekolah. 474 guru orang daripada sekolah bandar, 217 orang guru daripada sekolah luar bandar dan 51 orang guru daripada sekolah di pinggir bandar

Rajah 4.2 Bilangan Responden Mengikut Lokasi Sekolah


c. Bilangan guru sekolah menengah dan rendah



Rajah 4.3 menunjukkan Bilangan responden mengikut tahap sekolah. 515 guru orang daripada sekolah menengah dan 227 orang guru daripada sekolah rendah

Rajah 4.3 Bilangan Responden Mengikut Sekolah Menengah Dan Rendah

d. Bilangan responden mengikut jenis sekolah




Rajah 4.4 Bilangan Responden Mengikut Jenis Sekolah

Rajah 4.4 menjelaskan bilangan responden mengikut jenis sekolah. Seramai 55 orang guru daripada sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, 137 orang guru daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, 35 orang guru daripada Sekolah Kebangsaan, 137 orang guru daripada Sekolah Berasrama Penuh, 30 orang guru daripada Kolej Vokasional, 254 orang guru daripada guru Sekolah Menengah Kebangsaan dan 94 guru daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama.

#### 4.2 Apakah Tahap Amalan autonomi profesionalismeguru dalam aspek:

amalan pedagogi pembelajarana kaedah kritis dan kreatif, amalan pedagogi pembelajaran kaedah penemuan, amalan pembangunan profesionalisme sendiri, amalan pembangunan profesionalisme sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran, amalan pelaksanaan kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran dan amalan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran serta amalan pentaksiran berasaskan projek murid?.



Rajah 4.5 Tahap Amalan Autonomi Profesionalisme Guru

Dapatan kajian berdasarkan Rajah 4 5 menunjukkan skor Min (Min= 4.35, SP =.686) tahap amalan autonomi profesionalisme guru dalam pelaksanaan kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan tahap autonomi yang paling tinggi dan diikuti skor Min (Min= 4.24, SP= .646) bagi tahap amalan autonomi profesionalisme guru dalam pembangunan profesionalisme sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran. Manakala skor Min (Min= 3.82, SP = .683) dalam amalan autonomi pentaksiran berasaskan projek murid dan Skor min (min 3.87, SP = .687) adalah amalan pembangunan profesionalisme sendiri guru adalah yang paling rendah sekali. Ini menunjukkan bahawa guru mempunyai autonomi yang tinggi dalam pelaksanaan kurikulum dan pembangunan profesionalisme sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran. Manakala amalan autonomi dalam pentaksiran berasaskan murid dan amalan pembangunan profesionalisme sendiri

pada tahap paling rendah. Ini menunjukkan guru perlu berusaha meningkatkan inisiatif pembangunan sendiri untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi diri.

#### 4.3 Apakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Tahap Amalan Autonomi Profesionalisme Guru Berdasarkan Jenis Sekolah?

Jadual 4.1 Analisis ANOVA Tahap Amalan Autonomi Profesionalisme Guru Berdasarkan Jenis Sekolah

Domain	Konstruk	df	Nilai F	Sig**
Amalan Pedagogi Dalam Pembelajaran	Kaedah Kreatif Dan Kreatif	6	1.908	.077
	Kaedah Penemuan	6	1.819	.093
Amalan Pembangunan Profesionalisme	Dalam PdP	6	1.153	.330
	Secara Kendiri	6	1.249	.279
Amalan Perlaksanaan Kurikulum	Perlaksanaan Kurikulum Dalam PdP	6	1.451	.192
Amalan Pentaksiran	Pentaksiran Dalam PdP	6	4.751	<b>.038</b>
	Pentaksiran Berasaskan Projek Murid	6	2.302	<b>.018</b>

Berdasarkan Jadual 4,1 adalah Analisis ANOVA menunjukkan **tidak terdapat perbezaan yang signifikan** tahap amalan autonomi profesionalisme guru berdasarkan amalan pedagogi pembelajaran kaedah kritis dan kreatif ( $F(6,742) = 1.908$ ,  $p = .077$ ), amalan pedagogi pembelajaran kaedah penemuan ( $F(6,742) = 1.819$ ,  $p = .093$ ), amalan pembangunan profesionalisme sendiri ( $F(6, 742) = 1.249$ ,  $p = .279$ ), amalan autonomi pembangunan profesionalisme sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran ( $F(6,742) = 1.153$ ,  $p = .330$ ) dan amalan pelaksanaan kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran ( $F(6,742) = 1.451$ ,  $p = .192$ ).



Manakala analisis ANOVA mendapati **terdapat perbezaan yang signifikan** tahap amalan autonomi profesionalisme guru dalam amalan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran ( $F(6,742) = 4.571$   $p = .036$ ) dan amalan pentaksiran berasaskan projek murid ( $F(6,742) = 2.302$   $p = .018$ ). Ini menunjukkan terdapat perbezaan antara amalan pentaksiran guru dalam pengajaran dan pembelajaran dan amalan pentaksiran berasaskan projek murid dalam kalangan guru mengikut jenis sekolah.

Seterusnya, analisis deskriptif berdasarkan Jadual 4.2 menunjukkan tahap amalan autonomi profesionalisme guru dalam aspek amalan pedagogi pembelajaran kaedah kritis dan kreatif, amalan pedagogi pembelajaran kaedah penemuan, amalan pembangunan profesionalisme sendiri, amalan pembangunan profesionalisme sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran, amalan pelaksanaan kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran, amalan pentaksiran guru dalam pengajaran dan pembelajaran dan amalan pentaksiran berasaskan projek murid seperti rajah di bawah.

**Jadual 4.2 Analisis Deskriptif Tahap Amalan Autonomi Profesionalisme Guru Berdasarkan Jenis Sekolah**

Jenis Sekolah		Amalan Pedagogi Kreatif & Kritis	Amalan Pedagogi penemuan	Pembangunan Profesionalisme sendiri	Pembangunan Profesionalisme sendiri Berdasarkan Pengajaran dan pembelajaran	Amalan pelaksanaan kurikulum dalam Pengajaran dan pembelajaran	Amalan Pentaksiran dalam Pengajaran dan pembelajaran	Amalan Pentaksiran berdasarkan Projek murid
SMKA	Min	4.0372	4.0372	<b>3.8085</b>	4.2074	4.3404	<b>3.7638</b>	3.7686
	Sisihan Piawai	.72921	.72921	.69020	.75439	.73548	.76085	.73620
SMK	Min	<b>3.9797</b>	<b>3.9797</b>	3.8327	<b>4.1739</b>	<b>4.2606</b>	3.7748	<b>3.7579</b>
	Sisihan Piawai	.68175	.68175	.64932	.64631	.71480	.75149	.67744
KV	Min	4.0944	4.0944	3.8917	4.3111	4.3267	3.8533	3.9000
	Sisihan Piawai	.69850	.69850	.66447	.59489	.66744	.77001	.53175
SBP	Min	4.1703	4.1703	3.8568	4.2774	4.4350	3.9343	3.7664
	Sisihan Piawai	.70666	.70666	.71415	.70342	.71575	.69499	.76589
SK	Min	3.9810	3.9810	3.9821	4.3571	4.3886	3.9543	3.8143
	Sisihan Piawai	.59515	.59515	.58248	.53036	.73875	.68785	.67612
SJK(C)	Min	<b>4.2106</b>	<b>4.2106</b>	3.9361	4.2883	<b>4.4550</b>	<b>4.1343</b>	<b>3.9909</b>
	Sisihan Piawai	.60208	.60208	.66906	.51111	.50927	.53198	.56426
SJK(T)	Min	4.0515	4.0515	<b>4.0250</b>	<b>4.3606</b>	4.3491	3.9309	3.9227


	Sisihan Piawai	.67653	.67653	.62472	.68175	.73254	.74059	.69701
Total	Min	4.0656	4.0656	3.8769	4.2464	4.3504	3.8925	3.8245
	Sisihan Piawai	.67752	.67752	.66704	.64626	.68634	.71364	.68328

Analisis diskriptif Jadual 4.2 menunjukkan bahawa dapatan menunjukkan guru SJKC paling tinggi tahap amalan autonomi pembelajaran kaedah kreatif dan kritis (Min 4.21, SP = .602) berbanding jenis sekolah yang lain. Manakala sekolah SK (Min 3.98, SP = .595 ) dan SMK (Min 3.97, SP = .681) adalah yang paling rendah. Dapatan menunjukkan guru SJKC paling tinggi amalan autonomi pembelajaran kaedah penemuan (Min 4.21, SP = .602) berbanding jenis sekolah yang lain. Manakala Sekolah SK (Min 3.98, SP = .595) dan SMK (Min 3.97, SP = .681) adalah tahap yang paling rendah sekali.

Analisis menunjukkan guru SJKT paling tinggi dalam tahap amalan autonomi pembangunan profesionalisme secara sendiri (Min 4.02, SP = .624) berbanding jenis sekolah yang lain dan sekolah SMKA (Min 3.80, SP = .690) serta SMK (Min = 3.83, SP = 649) adalah yang paling rendah sekali. Dapatan menunjukkan guru SJKT paling tinggi dalam amalan autonomi pembangunan profesionalisme sendiri berdasarkan pengajaran dan pembelajaran sendiri (Min 4.36, SP = .681) berbanding jenis sekolah yang lain dan sekolah SMK (Min 4.17, SP = .646) adalah tahap yang paling rendah sekali.

Dapatan menunjukkan guru SJKC paling tinggi dalam tahap amalan autonomi pelaksanaan kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran (Min 4.45, SP = .509) berbanding jenis sekolah yang lain. Manakala sekolah SMK (Min 4.26, SP = .714) skor min yang paling rendah sekali.

Seterusnya, analisis menunjukkan guru SJKC skor min paling tinggi dalam tahap amalan autonomi pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran (Min 4.13, SP = .531) berbanding jenis sekolah yang lain. Manakala skor min sekolah SMKA ( Min 3.76, SP = .760) yang paling rendah sekali. Dapatan menunjukkan guru SJKC paling tinggi dalam amalan autonomi Pentaksiran berdasarkan projek murid (Min 3.99, SP = .564) berbanding jenis sekolah yang lain. Manakala sekolah SMK (Min 3.75, SP = .677) skor min yang paling rendah sekali. Justeru, tahap amalan autonomi profesionlisme guru mengikut jenis sekolah diperlihatkan seperti dalam Rajah 4.6



Rajah 4.6 Tahap Amalan Autonomi Profesionalisme Guru Berdasarkan Jenis Sekolah

Hasil dapatan keseluruhan menunjukkan Sekolah SJKC mempunyai tahap amalan autonomi profesionalisme guru dalam paling tinggi dalam amalan pedagogi pembelajaran kaedah kritis dan kreatif, amalan pedagogi pembelajaran kaedah penemuan, amalan pelaksanaan kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran dan amalan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran serta amalan pentaksiran berasaskan projek murid. Manakala sekolah SJKT skor min paling tinggi dalam tahap amalan pembangunan profesionalisme sendiri dan tahap amalan pembangunan profesionalisme sendiri dalam pengajaran dan pembelajaran.

Sebaliknya Sekolah SK, SMK dan SMKA antara skor min tahap amalan profesionalisme guru yang paling rendah bagi 4 domain konstruk yang diuji berbanding dengan jenis sekolah yang lain. Justeru Pemimpin sekolah SMK, SMKA dan SK perlu melihat dapatan ini dengan lebih berfokus struktur pelaksanaan autonomi profesionalisme guru agar guru diberi lebih banyak autonomi dalam

perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan autonomi profesionalisme guru masih rendah dalam 3 domain iaitu domain pedagogi dalam kaedah kreatif dan kritis serta penemuan: domain pembangunan profesionalisme sendiri dan domain pentaksiran berasaskan projek murid yang boleh diberi perhatian oleh semua pihak terutamanya guru dan pemimpin sekolah.

## **5.0 Perbincangan**

Autonomi profesionalisme guru merupakan trend yang semakin banyak diperkatakan pada masa kini dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Sejauh mana guru memahami autonomi yang mereka miliki dalam kerjaya mereka sebagai seorang pendidik. Jiang dan Ma Ting (2012) menyatakan kajian berhubung autonomi guru semakin mendapat perhatian pada masa kini dan autonomi guru amat penting untuk menyokong amalan terbaik dalam bilik darjah serta pembangunan profesionalisme guru secara berterusan. Sehubungan itu, dapatan kajian ini diharapkan sedikit sebanyak dapat memberi ruang kepada guru dan pemimpin sekolah untuk memberi fokus aspek penting ini dalam memahami peranan, tanggungjawab dan autonomi seorang guru.

Pendidikan masa kini banyak dikaitkan dengan kemajuan teknologi dan k-pengetahuan yang memerlukan guru yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Guru yang berkemahiran tinggi akan lebih kreatif dan inovatif yang secara langsung dapat menyumbang kepada pencapaian murid (Rusmini, 2016). Justeru guru yang mempunyai autonomi akan lebih kreatif dan inovatif dengan menggunakan pelbagai kaedah pedagogi dalam merangsang pembelajaran dalam mencungkil potensi murid (Solvi & Christina, 2015). Manakala Tilaar (2002) mengatakan autonomi memberi impak yang tinggi dan menghasilkan aktiviti pembelajaran yang lebih menarik serta murid lebih berpengetahuan.

Ramai penyelidik menegaskan bahawa guru berkualiti memberi impak positif yang tinggi kepada prestasi pencapaian sekolah dan keberhasilan murid (Amin, 2016: Dafour, 2009: Hattie 2012: Solvi & Christina 2015: Sparks, 2015). Justeru autonomi guru mampu menghasilkan guru yang berkualiti dalam merancang pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan mengubah corak penyampaian dengan lebih efektif dan memberi makna kepada pembelajaran bagi setiap murid. Manakala Sparks (2015) menjelaskan bahawa guru yang mempunyai tahap autonomi rendah mempunyai kurang perancangan dan kawalan kelas, guru juga lebih mengutamakan

untuk menghabiskan sukatan semata-mata tanpa menilai sejauh mana kefahaman dan penguasaan murid dalam pengajaran dan pembelajaran.

Jiang dan Ma Ting (2012) menyatakan beberapa dekad ini amalan autonomi guru menjadi perdebatan yang hebat dibincangkan dan semakin mendapat pengiktirafan. Malah pada tahun 2007, Kementerian Pendidikan China telah membuat beberapa perubahan dan inovasi dengan memfokuskan kepada autonomi guru yang lebih signifikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini merupakan satu cara untuk menyokong amalan autonomi profesionalisme guru dan didapati komitmen guru semakin meningkat serta pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih efektif. Sehubungan itu beberapa kajian empirikal berhubung autonomi guru semakin luas diberi perhatian serius.

Selain itu, guru perlu fokus kepada hasil pembelajaran, dengan memastikan setiap murid mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan. Rumainah (2011) menjelaskan bahawa guru perlu kreatif dan kritis dengan pelbagai kaedah pengajaran yang dapat menarik minat serta meningkatkan pencapaian murid. Kajian Amrita, Rosna dan Mohamad (2015) mendapati terdapat peningkatan motivasi murid apabila guru diberi autonomi dalam pengajaran dan pembelajaran bagi murid gred 6 di Thailand. Dapatan kajian juga menunjukkan autonomi guru memberi kesan yang positif kepada hasil pembelajaran murid. Autonomi guru memberi lebih variasi kaedah pengajaran guru serta pembelajaran yang menarik memberi impak yang tinggi kepada pencapaian murid.

Seterusnya dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan autonomi pembangunan profesionalisme guru secara sendiri adalah amalan yang paling rendah bagi guru-guru berbanding dengan dominan lain. Ini kerana guru masih bergantung kepada usaha pihak kementerian dan JPN dalam meningkatkan kemahiran dan kompetensi guru. Seterusnya Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan serta Sekolah Agama Menengah mempunyai tahap amalan autonomi profesionalisme guru yang rendah dalam beberapa domain seperti pedagogi kaedah kreatif dan kritis serta kaedah penemuan, pembangunan profesionalisme sendiri dan pentaksiran berasaskan projek murid. Justeru peranan pemimpin sekolah amat penting untuk memberi lebih autonomi kepada guru dalam meningkatkan kemahiran dan kompetensi guru agar mereka lebih kreatif dan inovatif serta berupaya menghasilkan pembelajaran yang berkesan dan bermakna.

Sehubungan itu, peranan pemimpin sekolah perlu mengubah *mindset* corak penyampaian guru melalui pembangunan profesionalisme berterusan dan amalan terbaik dalam pengajaran dan

pembelajaran melalui pendekatan *Professionalisme Learning Community* (PLC) (Dufour 2009). Jumani dan Malik (2017) menyatakan guru yang diberi autonomi mempunyai keupayaan sendiri yang tinggi untuk membuat penambahbaikan, kebebasan membuat keputusan dalam PdP dan bebas memilih kaedah serta strategi pembelajaran yang lebih efektif memberi memberi impak yang tinggi kepada pencapaian murid.

Merujuk kepada Anjakan Ke-5 dalam PPPM 20113 – 2015, KPM memfokuskan pemimpin yang berprestasi tinggi di setiap sekolah. Sehubungan itu, pemimpin yang berprestasi tinggi berupaya membentuk landskap *mindset* guru dengan membangunkan guru yang berpengetahuan tinggi, kreatif dan inovatif, berkeyakinan yang tinggi serta mempunyai pemikiran yang positif. Pemimpin yang berimpak tinggi perlu berusaha untuk membentuk pemikiran guru yang positif dan berdaya saing di peringkat global.

Solvi & Christina (2015) menyatakan autonomi guru dapat dilaksanakan apabila guru diberikan kebebasan dalam melaksanakan pedagogi sepenuhnya. ini akan mengubah corak penyampaian guru lebih kreatif dengan pelbagai pendekatan serta strategi penyampaian untuk meningkatkan kefahaman dan penguasaan murid dengan menilai standard pembelajaran murid yang ditetapkan. Dufour (2009) dan Hattei (2012) pula menjelaskan peningkatan kualiti guru memberi impak yang besar kepada pencapaian sekolah, salah satu strategi yang paling berkesan adalah melalui kolaborasi secara berpasukan atau PLC untuk penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pembelajaran organisasi serta ia memberi impak secara tidak langsung kepada penambahbaik sekolah.

Sehubungan itu, peranan pemimpin sekolah amat penting dalam mengubah *mindset* guru dengan memastikan penyampaian pengajaran memberi impak yang tinggi kepada pencapaian murid. Autonomi guru memberi kebebasan kepada guru, ini bermakna seseorang guru bukan saja perlu menguasai asas pengetahuan mengajar, malah berupaya membangunkan profesionalisme guru dengan menggunakan pendekatan PLC dan ini akan mengurangkan kebergantungan latihan pembangunan guru melalui latihan dalam perkhidmatan daripada KPM, JPN dan PPD (Amin, 2016). Ini menunjukkan guru mempunyai autonomi untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran secara sendiri mahupun secara PLC atau melalui pembelajaran organisasi yang dibangunkan oleh pihak sekolah.

Banyak program pembangunan profesionalisme guru dirancang dan disediakan di peringkat KPM, atau JPN atau PPD. Trend ini perlu berubah dan Pembangunan Profesionalisme guru perlu

dirancang di peringkat sekolah melalui pendekatan PLC. Justeru KPM (2014) Melalui Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan telah mensasarkan pada tahun 2025 sebanyak 60% peratus pembangunan profesionalisme guru secara sendiri berasaskan sekolah. Hasrat ini memerlukan komitmen tinggi daripada pemimpin sekolah dalam merekebentuk pembangunan profesionalisme guru berasaskan sekolah berdasarkan keperluan sebenar guru.

Bagi melahirkan guru yang berkualiti, guru perlu dibangunkan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Pendekatan autonomi profesionalisme guru berupaya membangunkan profesionalisme sendiri yang tinggi dan ia memberi impak yang tinggi dalam PdP (Lamb & Reiners, 2008; Jumani & Malik 2017). Justeru, autonomi guru merupakan platform untuk melahirkan guru berpengetahuan tinggi yang mempunyai signifikan dengan pencapaian dan murid potensi yang tinggi untuk terus cemerlang. Oleh demikian, pemimpin sekolah memainkan peranan penting untuk meningkatkan pembangunan profesionalisme guru melalui amalan organisasi pembelajaran. Dapatan kajian Nor Foniza (2012) mendapati pemimpin sekolah perlu menggembeleng pelbagai kebolehan dan kepakaran guru secara berterusan dalam ilmu pedagogi untuk melahirkan guru yang cemerlang. Manakala Hattei (2012) menjelaskan pembangunan guru memberi kesan kepada pembelajaran organisasi secara langsung dalam melahirkan guru yang berkualiti. Justeru amalan organisasi pembelajaran memberi impak yang tinggi kepada kualiti guru dan pencapaian murid.

Akhir sekali, guru perlu mempunyai mindset yang jelas untuk terus meningkatkan kepakaran mereka dalam ilmu pedagogi secara berterusan. Oleh demikian peranan pemimpin sekolah perlu membangunkan landskap mindset guru untuk terus kekal cemerlang sepanjang kerjaya mereka. Kejayaan membangunkan guru yang cemerlang akan memberi impak yang tinggi kepada pembelajaran yang berkualiti dan secara langsung menyumbang kepada pencapaian murid. Amalan autonomi profesionalisme guru merupakan pentas untuk guru meningkat kepakaran untuk lebih kreatif serta inovatif dan terus kekal berkualiti sepanjang perkhidmatan mereka.

## **RUJUKAN**

Amrita Kaur, Rosnah Awang dan Mohammad Norman (2015). Teacher autonomy support intervention as a classroom practice in a Thai school. *Journal for Multicultural Education*. Vol. 9 (1) 10 – 27. <http://dx.doi.org/10.1108/JME-07-2014-0033>.

- Amin Senin (2016) Harian Metro. Autonomi Guru, 16 Ogos 2016.
- Chew, Fong Peng & Shashipriyah Nadaraja. (2014). Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pembelajaran dan pengajaran KOMSAS di sekolah menengah. *Journal Pendidikan UM; Vol 4.bil.2 Nov 2014: 10- 24.*
- Dufour. Rick. (2009). Professional Learning and Communities: The key to improved teaching and learning. <http://www.advanc-ed.org/source/professional-learning-communities-key-improved-teaching-and-learning>.
- Hattie.John (2012). Visible learning for teachers. Maximizing impact on learning. New York 10017: Routledge.
- Jumani, N.B. & Malik, Samina. (2017). Promoting teachers leadership through autonomi and accountability. Springer Nature: Singapore.
- Lamb,Terry & Reiders, Hayo. (2008).Leaner Autonomy – Teacher autonomy\_Interrelatiing and the will to empower.Spain :John Benjamins Publishing Company.
- Moomaw, William Edward, (2005). Teacher-perceived autonomy: A construct validation of the teacher autonomy scale. Tesis : PhD,Universiti of West Florida.
- Nor Foniza Maidin. (2012). Amalan organisasi pembelajaran di sekolah cemerlang. Tesis: Falsafah Kedoktoran. Bangi, UKM.
- Nurul Anuar (2012). Autonomi bukan sesuatu yang baru. Utusan Malaysia. 20.10 2012
- Rumainah Ibrahim @ Ismail & Faridah Mydin Kutty. (2011). Dorongan autonomi guru dalam pembentukan motivasi intrinsik. UKM: Bangi.
- Rusmini Ku Ahmad. (2016). Best Practises of excellent eduction systems: A way forward, Cyerbejaya: Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Ravikumar a/I K.Varatharaj. (2015). Autonomi guru dan amalan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran kurikulum standard sekolah rendah di sekolah kluster. Tesis PhD. Universiti Sains Malaysia.
- Solvi, Mausethagen & Chistina, Elde Molstand. (2015). Shifts in curriculum control: Contesting ideas of teacher autonomy. Nord STEPJnl: <http://dx.doi.org/10.3402/nstep.vl.28520>
- Sparks, Dinar. (2015). Public school teacher autonomy in the classroom across school years 2003 - 2004,2007-2008 & 2011- 2012. National Centre for Education Statistic.US: NCES 2015089.



- Solvi Mausethagen & Christina Elde Molstad (2015).teacher work and professionalism, educational governance and accountability. Hedmark University College, Elverum, Norway
- Wan Mat Sulaiman & Norkhairiah Bt Hj Hashim (2011). Apilikasi Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran Pengetahuan Agama Islam. *Journal of Applied Research in Education*, Vol 15, No 1 & 2.ms 43-58.
- Webb. Taylor.P (2006). Teacher power: The Exercise of profesional autonomy an era strict accountability. *Journal Teacher Development* 6: 1, 47- 62 (online) DOI: 10.1080/13664530200200156.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. (2002). Paradigma Pendidikan Bersepadu: Perkembangan Dua Dekad Pendidikan dan Pembangunan Manusia. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.
- \_\_\_\_\_ (.2016). Laporan Awal: Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan. Bahagian Pendidikan Guru. KPM
- \_\_\_\_\_ (2013) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- \_\_\_\_\_ (2014). Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan. Edisi Guru dan Pemimpin Sekolah. KPM.